

BULETIN

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

Strategy Oriented, Productivity, Accountability, Neutrality, Speed

Jilid 1, Isu 1

6 April 2015 bersamaan 28 Jamadil Akhir 1437H

Assalamualaikum dan
Salam Sejahtera



Alhamdulillah, semenjak penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) pada 1963, di bawah Artikel 35 Perlembagaan Negeri Sarawak, akhirnya kita berjaya melahirkan **buletin sulung**. Tahniah dan syabas kepada semua warga SPANS **kerana anda adalah sebahagian dari detik bersejarah ini**. Buletin ini hanya sebagai wadah untuk warga SPANS **berkongsi maklumat, pengalaman serta keprihatinan** warga mengenai isu-isu bersama. Selain itu, ia menyediakan platform untuk **mengasah bakat penulisan, keberanian melontar pandangan dan budaya keterbukaan** di kalangan warganya.

*"Tanpa mengira peranan / jawatan dan kerjaya yang kita ceburi terdapat hanya satu faktor yang menentukan kejayaan iaitu **profesionalisme**"*

Profesionalisme ialah pembawaan diri seseorang yang penuh **bertanggungjawab, berintegriti, berakuntabiliti** dan sarat dengan **ciri-ciri kecemerlangan**. Seseorang professional menguasai **kemahiran komunikasi yang tinggi, berkesan** dan sentiasa mencari jalan untuk menjadi **lebih produktif**.

Keinginan untuk sentiasa mengejar kesempatan pengembangan profesional yang dapat meningkatkan dan memperbaiki kualiti pengetahuan dan keterampilannya

Keinginan untuk selalu menampilkan perilaku yang mendekati piawai ideal

4 ciri-ciri
Profesionalisme

Mengejar kualiti dan cita-cita dalam profesion

Meningkatkan dan memelihara imej profesion



RE-GUR-GI-TATE

"Repeat (information) without analyzing or comprehending it"

10 tips mengenai profesionalisme

yang kita perlu tahu :

1. Perhatikan Norma Budaya Organisasi
2. Jadilah pendengar yang baik
3. Bersikap sopan dengan sesiapa sahaja, walaupun anda tidak menyukai mereka
4. Ambil serius semua perkara
5. Mengotakan kata-kata
6. Bersikap terbuka dan menerima kritikan
7. Fleksibel
8. Menepati Waktu
9. Suka membantu dan lakukan lebih
10. Berhati-hatilah dalam hal yang akan merosakkan kerjaya anda

Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, 1996

7.—(1) Kenaikan pangkat mana-mana pegawai dalam perkhidmatan awam hendaklah berdasarkan prestasi, merit dan kebolehan, dan juga pengalaman, kelayakan, kesesuaian dan kekananan yang akan diputuskan seperti berikut:

(a) **kecekapan** dan **ketekunan** yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugasnya;

(b) **pengetahuan** dan kemahiran diri;

(c) **kualiti** peribadi termasuk **keutuhan, daya usaha, inovasi, kelayakan dan pengalaman dan kemahiran** yang relevan dengan jawatan yang hendak diisi; dan

(d) **potensi, baik dari segi perhubungan manusia dan kebolehan kepimpinan**, yang mendatangkan faedah kepada perkhidmatan awam secara menyeluruh.